

PENERIMAAN PROGRAM PEMBANGUNAN DIRI DALAM KALANGAN PENDUDUK RUMAH PANJANG DI SARAWAK

Kwok Chin Hoe, Haris Abd Wahab

Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial
Fakulti Sastera dan Sains Sosial
Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia

Emel: kwokchinhoe@yahoo.com, haris@um.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bagi meneliti penerimaan program pembangunan diri di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) dalam kalangan penduduk rumah panjang di Daerah Song, Sarawak. Penerimaan bantuan program oleh penduduk rumah panjang dalam skim tersebut diteliti berdasarkan penerimaan empat buah program yang bercirikan pembangunan diri iaitu Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK), Program Kecemerlangan Pendidikan (PKP), Program Pembangunan Minda Insan (PPMI) dan Program Peningkatan Pendapatan (PPP). Seramai 260 orang Ketua Isi Rumah (KIR) telah dipilih secara rawak sebagai responden kajian. Maklumat kajian dikumpulkan melalui temu bual berstruktur menggunakan borang soal selidik dan dianalisis menggunakan program SPSS. Penemuan kajian menunjukkan sebilangan besar daripada penduduk rumah panjang yang ditemu bual tidak terlibat dalam menerima bantuan program pembangunan diri yang dikaji. Oleh itu, kajian ini mencadangkan agar usaha penambahbaikan dilakukan dengan menyediakan lebih banyak peluang dan ruang kepada penduduk setempat untuk turut terlibat dalam pelaksanaan program berbentuk pembangunan diri demi memastikan usaha membasmi kemiskinan dapat mencapai matlamatnya.

KATA KUNCI: *pembangunan diri, penglibatan, penglibatan komuniti, kemiskinan pembasmian kemiskinan*

1.0 PENGENALAN

Isu kemiskinan masyarakat luar bandar merupakan masalah global di kebanyakan negara. Kerajaan Malaysia telah melaksanakan pelbagai program dan aktiviti untuk membasmi masalah tersebut. Antara program yang dilaksanakan ialah Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT), Rancangan FELDA, Rancangan FELCRA, program

mikrokredit (Amanah Ikhtiar Malaysia, Yayasan Usaha Maju dan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga) dan terkini Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR). Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) yang diperkenalkan pada tahun 2001 bermatlamat untuk membangunkan sumber manusia, menyediakan infrastruktur sosial dan meningkatkan pendapatan mereka yang berpendapatan rendah (RMK-8, 2001). Bagi mencapai matlamat tersebut, sebanyak sembilan buah program telah dikenal pasti dan diimplementasikan di bawah skim berkenaan. Antaranya ialah Program Peningkatan Pendapatan (PPP), Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK), Program Pembangunan Minda Insan (PPMI), Program Kecemerlangan Pendidikan (PKP), Program Bantuan Rumah (PBR), Program Bangunan Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA), Program Tambahan Makanan Seimbang (PTMS), Program Pembangunan Masyarakat Setempat (PPMS) serta Program Amanah Saham Bumiputera (ASB Sejahtera). Kerajaan telah membelanjakan sejumlah besar peruntukan kewangan bagi melaksanakan program-program di bawah skim tersebut. Namun demikian, usaha tersebut masih tidak menampakkan perubahan yang ketara, di mana, para peserta yang telah menerima bantuan program di bawah skim tersebut didapati kurang komited untuk melibatkan diri (Zazali, 2004). Sedangkan literatur membuktikan bahawa keberkesanan pelaksanaan sesuatu program pembasmian kemiskinan amat bergantung pada kerjasama serta penglibatan masyarakat setempat. Penglibatan masyarakat setempat sangat penting kerana mereka adalah individu atau kumpulan berkepentingan yang mungkin menerima kesan yang signifikan daripada pembangunan sesuatu projek atau program yang dirancang dan dilaksanakan (Mohammad Ghazi & Haliza, 2011; Imoh, Isaac dan Nwachukwu, 2009). Keterlibatan mereka merupakan salah satu elemen yang boleh menyumbang kepada kejayaan usaha-usaha pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan di tempat mereka. Literatur turut membuktikan bahawa kekurangan penglibatan merupakan antara alasan kegagalan usaha pembangunan di negara-negara sedang membangun (World Bank, 1993, 1996).

Bowen (2008) menjelaskan bahawa pengaruh penglibatan penduduk setempat terhadap keberkesanan program pembasmian kemiskinan bermula dari awal perancangan sehingga ke penilaian program. Ini disokong oleh Cohen dan Uphoff (1977) yang turut menyatakan keberkesanan pelaksanaan program pembangunan seharusnya melibatkan penduduk setempat dalam aktiviti membuat keputusan, pelaksanaan, berkongsi manfaat dan penilaian program. Menurut Aref (2011), Chapman dan Kirk (2001) serta Allahdadi (2011) penglibatan komuniti merupakan mekanisme yang mampu menggalakkan penyertaan aktif komuniti dalam perkongsian kerja, membuat

keputusan dan menjadi perwakilan dalam struktur komuniti bagi mengurangkan kadar kemiskinan. Walau bagaimanapun, orang ramai hanya akan terdorong untuk bekerjasama dan melibatkan diri dengan lebih aktif dalam program pembangunan yang telah direncanakan apabila mereka merasakan bahawa mereka mempunyai tanggungjawab untuk program pembangunan tersebut (Kuntavong, 1985). Justeru itu, artikel ini menghujahkan bahawa agensi kerajaan sepatutnya lebih bersedia berkongsi autoriti bersama dengan masyarakat dalam menentukan perkara atau hal-hal yang berkaitan dengan kepentingan masyarakat. Ini dapat meyakinkan masyarakat bahawa sumbangan mereka sama ada dari segi pendapat, idea atau pun tenaga fizikal adalah dihargai dan ini seterusnya dapat mendorong dan memotivasikan masyarakat untuk melibatkan diri secara sukarela dalam menjayakan program yang diperkenalkan oleh agensi kerajaan. Memandangkan penglibatan penduduk setempat menjadi elemen penting yang mempengaruhi kejayaan sesuatu program pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan, maka terdapatnya keperluan untuk mengenal pasti keterlibatan penduduk rumah panjang dalam program yang diadakan di tempat mereka. Dalam kajian ini, penglibatan penduduk rumah panjang hanya memfokuskan kepada penglibatan dari segi pelaksanaan program di bawah SPKR. Artikel ini cuba untuk meninjau aspek penglibatan dalam pelaksanaan menerusi penerimaan empat buah program di bawah SPKR yang memiliki ciri-ciri pembangunan diri iaitu Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK), Program Kecemerlangan Pendidikan (PKP), Program Pembangunan Minda Insan (PPMI) dan Program Peningkatan Pendapatan (PPP).

2.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang melibatkan tinjauan deskriptif. Secara umumnya, tinjauan deskriptif ialah huraian terperinci dalam bentuk kuantiti berkenaan suatu populasi dan melibatkan pungutan data secara sistematik (Chua, 2006). Penggunaan kaedah ini mampu membincangkan maklumat berbentuk pengetahuan, kepercayaan, sikap, pandangan, persepsi, ciri, tingkah laku dan sebagainya. Dalam konteks kajian ini, tinjauan deskriptif dapat memberi gambaran jelas dan terperinci tentang penerimaan bantuan program di bawah SPKR oleh penduduk rumah panjang. Kajian yang bersifat mikro ini menumpukan kepada sebuah daerah di Bahagian Kapit, Sarawak iaitu Daerah Song sebagai lokasi kajian. Untuk tujuan kajian ini seramai 260 responden yang terdiri daripada Ketua Isi Rumah (KIR) dipilih menerusi tiga tahap persampelan rawak iaitu (i) pemilihan kawasan rumah panjang, (ii) pemilihan rumah

panjang dan (iii) pemilihan responden. Maklumat kajian dikumpulkan melalui temu bual berstruktur menggunakan borang soal selidik. Selain itu, temu bual tidak berstruktur juga telah dilakukan dengan beberapa orang KIR di rumah panjang yang terpilih bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas berhubung dengan penerimaan bantuan program pembangunan diri dalam kalangan penduduk di rumah panjang.

Soal selidik di Bahagian A direka bentuk untuk memperoleh data berkaitan dengan latar belakang demografi dan sosioekonomi masyarakat Iban yang telah terpilih sebagai responden kajian. Bahagian ini mengandungi soalan-soalan yang berkaitan dengan jantina, umur, saiz isi rumah, tahap pendidikan dan pekerjaan utama. Bahagian B terdiri daripada soalan-soalan khusus yang dikemukakan bagi mengesani penerimaan bantuan program pembangunan diri di bawah SPKR oleh penduduk rumah panjang. Penerimaan bantuan program pembangunan diri dalam kalangan penduduk rumah panjang diteliti berdasarkan empat buah program di bawah SPKR yang memiliki ciri-ciri pembangunan diri iaitu Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK), Program Kecemerlangan Pendidikan (PKP), Program Pembangunan Minda Insan (PPMI) dan Program Peningkatan Pendapatan (PPP). Sebelum pengumpulan data sebenar, pengkaji telah menjalankan kajian rintis bagi mengesahkan kebolehpercayaan instrumen kajian yang digunakan. Kajian rintis telah dijalankan pada 19 Mei 2012 di Rumah Panjang Nyulang, Nanga Sekedai dan Rumah Panjang Imbal, Nanga Sekedai, Song, Sarawak. Ukuran kebolehpercayaan yang lebih daripada 0.6 telah digunakan dalam kajian ini. Maklumat yang diperolehi melalui borang soal selidik dianalisis dengan menggunakan perisian komputer "*Statistical Package for Social Sciences*" (SPSS) versi 16.0. Statistik deskriptif digunakan untuk mendapatkan taburan, statistik asas (frekuensi dan peratusan) bagi semua angkubah dalam kajian dan mengenal pasti penerimaan program pembangunan diri dalam kalangan penduduk rumah panjang.

3.0 DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan analisis data kajian, didapati sebahagian besar (85.8%) daripada KIR yang telah turut serta mengambil bahagian dalam kajian ini adalah terdiri daripada golongan lelaki (Jadual 1). Hanya sebilangan kecil (14.2%) daripada KIR di rumah panjang yang telah ditemu bual adalah golongan wanita. Dari segi umurnya pula, purata umur KIR di rumah panjang yang menjadi responden kajian adalah

57 tahun. Umur minima KIR yang telah terlibat dalam soal selidik ini adalah 34 tahun dan umur maksimumnya pula adalah 86 tahun. Analisis data kajian turut menunjukkan sebahagian besar (88.5%) daripada KIR komuniti Iban di rumah panjang adalah mereka yang telah berkahwin (Jadual 1). Hanya 3.8 peratus adalah KIR yang belum berkahwin. Responden selebihnya adalah KIR yang berstatus duda (1.2 %), janda (2.7%) dan balu (3.8%).

Tinjauan yang dijalankan turut mendapati purata bilangan isi rumah dalam sesebuah isi rumah adalah 6 orang. Hampir separuh (48.1%) daripada KIR adalah mereka yang tinggal dalam bilangan isi rumah antara 4 hingga 6 orang (Jadual 1). Bilangan isi rumah maksima dalam sesebuah keluarga adalah 13 orang. Terdapat juga KIR dalam kalangan komuniti Iban di rumah panjang yang tinggal berseorangan. Dari segi tahap pendidikan pula, lebih separuh (58.5%) daripada keseluruhan responden kajian yang telah ditemu bual menyatakan mereka tidak pernah mendapatkan pendidikan sama ada secara formal atau pun tidak formal (Jadual 1). Sebanyak 38.1 peratus lagi adalah mereka yang berjaya mendapatkan pendidikan sehingga SPR dan UPSR. Hanya 3.1 peratus (lapan orang) daripada KIR komuniti Iban di rumah panjang yang ada mendapatkan pendidikan sehingga PMR. Selebihnya (0.4%) atau seorang sahaja daripada 260 KIR yang telah terlibat dalam kajian ini memiliki tahap pendidikan sehingga SPM. Lebih separuh (58.5%) daripada KIR di rumah panjang adalah mereka yang bekerja sebagai petani.

Jadual 1: Latar Belakang Responden Kajian

Ciri-ciri		Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	85.8
	Wanita	14.2
Umur	40 tahun ke bawah	4.2
	41 tahun hingga 50 tahun	22.7
	51 tahun hingga 60 tahun	38.8
	61 tahun hingga 70 tahun	24.2
	71 tahun ke atas	10.0
Taraf Perkahwinan	Belum Berkahwin	3.8
	Berkahwin	88.5
	Duda	1.2
	Janda	2.7
	Balu	3.8
Saiz Isi Rumah	1 hingga 3	18.1
	4 hingga 6	48.1
	7 hingga 9	27.7
	Lebih daripada 9	6.2

Taraf Pendidikan	Tidak Sekolah	58.5
	SPR / UPSR	38.1
	PMR	3.1
	SPM / SPMV	0.4
Pekerjaan	Tiada Pekerjaan	21.2
	Suri rumah	5.8
	Petani	58.5
	Buruh Kasar	11.5
	Kerja Kerajaan	3.1

Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) merupakan program berbentuk bina diri yang bertujuan meningkatkan kemahiran kumpulan sasar dengan harapan mereka yang telah mengikuti latihan ini mampu mendapatkan pekerjaan atau mengusahakan perniagaan perkhidmatan yang boleh memberikan pendapatan yang lebih tinggi dan seterusnya mengeluarkan mereka serta keluarga daripada belenggu kemiskinan (KKLW, 2008). Bantuan diberikan kepada peserta untuk mengikuti latihan kemahiran dalam semua bidang di semua sektor yang meliputi jahitan, masakan, pemprosesan makanan, baik pulih komputer, mekanik motor, elektrik, dandan atau kecantikan atau gunting rambut, marin, hiasan dalaman, kraf tangan, pembuatan bot fibre glass, pemandu pelancong, pemandu kereta motor atau bot, membaik pulih telefon bimbit, kasut dan sebagainya (KKLW, 2006-2010). Di peringkat Daerah Song, latihan kemahiran di bawah PLKK yang pernah dilaksanakan adalah latihan jahitan, membaik pulih komputer dan latihan kraf tangan. Secara keseluruhannya, sebilangan besar (85.4%) daripada KIR yang telah terlibat dalam pelaksanaan program dan aktiviti di bawah SPKR menyatakan mereka tidak menerima sebarang bantuan PLKK yang dilaksanakan di Daerah Song, Sarawak (Jadual 2). Cuma segelintir sahaja daripada KIR yang telah ditemu bual memaklumkan mereka ada menerima bantuan PLKK tetapi dalam kadar yang sedikit (9.2%) dan sederhana (5.4%). Hasil pemerhatian dan temu bual yang dilakukan sepanjang kerja lapangan mendapati kebanyakan KIR yang disoal menyatakan mereka lebih berminat menerima bantuan kewangan daripada menerima bantuan berbentuk latihan, kursus dan bengkel. Sungguhpun penduduk rumah panjang yang layak telah ditawarkan untuk menyertai PLKK, namun, majoriti daripada mereka tetap menolak untuk menyertai program tersebut. Golongan penerima yang ditawarkan bantuan PLKK turut memaklumkan bahawa mereka berhadapan dengan kekangan dari segi masa untuk menyertai latihan, kursus atau bengkel yang diadakan. Contohnya, latihan jahitan yang dianjurkan sering kali melibatkan tempoh yang agak lama iaitu tiga hari sehingga seminggu dan bertempat di luar kawasan Daerah Song. Sedangkan

golongan wanita yang menjadi penerima bantuan tersebut dibebani dengan pelbagai tanggungjawab lain seperti perlu bekerja, menjaga dan menguruskan anak. Situasi sedemikian menyebabkan program bantuan seperti latihan jahitan, kursus membaiki pulih komputer dan latihan kraf tangan yang dianjurkan oleh agensi pelaksana SPKR tidak mendapat sambutan.

Program Kecemerlangan Pendidikan (PKP) merupakan pecahan komponen Program Latihan dan Pendidikan (PLP) yang bertujuan untuk meningkatkan kecemerlangan pendidikan kumpulan sasaran supaya dapat meningkatkan daya saing akademik Ahli Isi Rumah (AIR) miskin tegar luar bandar. Di bawah program ini, bantuan diberikan kepada AIR yang bersekolah dari golongan miskin tegar khususnya AIR yang ditanggung oleh KIR ibu tunggal dan KIR kurang upaya untuk mengikuti tuisyen, kursus teknik pembelajaran, kursus teknik menjawab soalan peperiksaan dan motivasi pelajar serta kem sahsiah untuk meningkatkan kecemerlangan akademik mereka. Bantuan tuisyen dikhususkan untuk pelajar yang akan menduduki peperiksaan PMR, SPM dan STPM (KKLW, 2006-2010). Dengan penyertaan tersebut, mereka mampu meningkatkan tahap pendidikan serta pencapaian akademik dan berpeluang untuk mendapat pendidikan yang lebih tinggi sama ada di dalam atau luar negeri. Keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan sebilangan besar (66.9%) daripada KIR rumah panjang yang telah terlibat dalam pelaksanaan program di bawah SPKR menyatakan mereka tiada menerima sebarang bentuk bantuan PKP yang dilaksanakan di tempat mereka (Jadual 2). Salah satu sebab yang diberikan oleh para KIR yang tiada menerima sebarang bentuk bantuan PKP adalah mereka tiada AIR yang masih bersekolah. Ini kerana PKP menyediakan bantuan untuk mengikuti kursus-kursus peningkatan pencapaian akademik untuk AIR yang masih bersekolah sahaja. Mereka yang tidak mempunyai AIR yang masih bersekolah adalah tidak layak menerima bantuan di bawah program ini. Segelintir sahaja daripada KIR yang telah terlibat dengan pelaksanaan berkaitan dengan program di bawah SPKR memberitahu bahawa mereka ada menerima bantuan PKP tetapi dalam kadar yang sedikit (16.9%) dan sederhana (15.8%). Hanya seorang (0.4%) dalam kalangan KIR di rumah panjang yang ditemu bual menyatakan beliau ada menerima bantuan tersebut dalam kadar yang banyak.

Program Pembangunan Minda Insan (PPMI) bertujuan untuk membangunkan minda dan sikap kumpulan sasaran menerusi penyertaan mereka dalam kursus-kursus perubahan sikap, motivasi dan pembangunan insan. Objektif pelaksanaan program ini adalah untuk membangunkan minda dan sikap kumpulan sasaran supaya

lebih bermotivasi untuk berusaha meningkatkan ilmu, pendidikan, kemahiran serta pendapatan keluarga (KKLW, 2006-2010). PPMI terdiri daripada tiga komponen iaitu kursus-kursus motivasi, kem sahsiah dan bengkel kebahagiaan dan kecemerlangan keluarga. Skop program pula meliputi aspek-aspek sendiri, ekonomi, kesihatan dan sivik. Daripada jumlah KIR yang telah terlibat dalam pelaksanaan aktiviti dan program di bawah SPKR, didapati hanya sebilangan kecil KIR di rumah panjang yang ada menerima bantuan PPMI sama ada dalam kadar yang sedikit (13.5%) atau sederhana (16.2%) (Jadual 2). Hanya dua orang (0.8%) sahaja KIR yang ditemu bual menyatakan mereka telah menerima bantuan PPMI yang disalurkan dalam kadar yang banyak. Penemuan kajian turut menunjukkan sebilangan besar (66.9%) daripada KIR tersebut tidak menerima sebarang bantuan PPMI yang telah disalurkan oleh agensi pelaksana SPKR di kawasan mereka (Jadual 2). Ini mungkin kerana bantuan PPMI lebih diutamakan kepada KIR, IT miskin tegar yang mempunyai ramai tanggungan, AIR miskin tegar yang ditanggung oleh KIR ibu tunggal dan SR atau AIR miskin tegar yang ditanggung oleh KIR kurang upaya.

Program Peningkatan Pendapatan atau PPP adalah program di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) yang telah dilaksanakan sepanjang RMKe-8 dan diteruskan pelaksanaannya di dalam tempoh RMKe-9. Objektif pelaksanaan PPP adalah untuk meningkatkan pendapatan serta memantapkan ekonomi golongan miskin tegar di kawasan luar bandar melalui penglibatan mereka di dalam projek-projek ekonomi yang dikenal pasti berpotensi untuk berkembang dan berupaya meningkatkan taraf hidup mereka (KKLW, 2006-2010). Penglibatan penerima dalam projek-projek PPP merangkumi penglibatan secara langsung dalam pelaksanaan projek, sebagai perancang dan pembuat keputusan terhadap hala tuju projek, sebagai penerima upah, gaji atau dividen dan sebagai pemilik asset, premis, peralatan, mesin serta bantuan yang diberikan. Penyediaan sumber bantuan ini adalah amat penting agar membolehkan kumpulan sasar yang telah terpilih bagi menjalankan projek-projek peningkatan pendapatan yang telah dikenal pasti (Zaharudin, 2002). Jadual 2 menunjukkan taburan kekerapan penerimaan program di bawah SPKR dalam kalangan KIR di rumah panjang. Keseluruhannya, penemuan kajian menunjukkan sebilangan besar (81.5%) daripada KIR yang telah terlibat dalam pelaksanaan program di bawah SPKR tiada menerima bantuan dari PPP yang dilaksanakan di tempat mereka (Jadual 2). Hanya segelintir KIR di rumah panjang yang mengakui mereka ada menerima bantuan PPP tetapi bantuan tersebut hanya dalam kadar sedikit (8.8%), sederhana (9.2%) dan hanya seorang (0.4%) sahaja KIR yang memberitahu beliau telah menerima bantuan PPP dalam kadar

yang banyak (Jadual 2). Jumlah bilangan penduduk rumah panjang yang menerima bantuan PPP adalah kurang kerana penerima bantuan program di bawah PPP adalah disyaratkan kepada peserta yang tidak pernah menerima sebarang bantuan program atau projek ekonomi di bawah SPKR. Selain itu, bantuan program di bawah PPP juga adalah terhad berbanding dengan bantuan-bantuan program lain seperti PBR, PKP dan PPMI. Kadar bantuan PPP bagi setiap penerima juga adalah tinggi, merangkumi RM10,000 seorang. Oleh itu, hanya mereka yang benar-benar memenuhi kriteria dan telah melepasi tapisan sahaja layak untuk menerima bantuan program di bawah PPP.

Jadual 2: Penerimaan Program Pembangunan Diri

Program Pembangunan Diri	Penerimaan Program									
	Tiada		Sedikit		Sederhana		Banyak		Jumlah	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Program Peningkatan Pendapatan (PPP)	212	81.5	23	8.8	24	9.2	1	0.4	260	100.0
Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK)	222	85.4	24	9.2	14	5.4	0	0.0	260	100.0
Program Kecemerlangan Pendidikan (PKP)	174	66.9	44	16.9	41	15.8	1	0.4	260	100.0
Program Pembangunan Minda Insan (PPMI)	181	69.6	35	13.5	42	16.2	2	0.8	260	100.0

4.0 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Kajian ini telah dilakukan dengan harapan dapat memberi gambaran yang lebih jelas, tepat dan menyeluruh berkaitan dengan penglibatan penduduk rumah panjang dalam program yang diadakan di tempat mereka. Penelitian ke atas penglibatan penduduk rumah panjang dalam kajian ini hanya memfokuskan kepada penglibatan dari segi pelaksanaan yang telah dinilai dari segi penerimaan empat buah program pembangunan diri di bawah SPKR iaitu Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK), Program Kecemerlangan Pendidikan (PKP), Program Pembangunan Minda Insan (PPMI) dan Program Peningkatan Pendapatan (PPP). Secara keseluruhannya, penemuan kajian menunjukkan masih ramai bilangan penduduk di rumah panjang yang tidak terlibat dalam menerima keempat-empat program pembangunan diri yang dilaksanakan di tempat tinggal mereka. Penemuan kajian turut mendapati bahawa penduduk rumah panjang yang terlibat dalam program di bawah SPKR lebih cenderung untuk menerima bantuan kewangan daripada menerima bantuan berbentuk pembangunan diri seperti latihan, kursus dan bengkel. Manakala mereka yang terpilih sebagai penerima bantuan yang berasaskan latihan, kursus dan bengkel pula dibebani dengan pelbagai tanggungjawab kekeluargaan yang tidak memungkinkan mereka menyertai program-program pembangunan diri yang disalurkan kepada mereka.

Penemuan kajian ini memberi implikasi bahawa isu penerimaan bantuan program pembangunan diri dalam kalangan penduduk rumah panjang harus ditingkatkan sebagai langkah untuk menjayakan usaha pembasmian kemiskinan yang melibatkan komuniti luar bandar. Selain itu, peralihan strategi pembasmian kemiskinan harus dilakukan agar golongan yang diklasifikasikan sebagai miskin tidak bergantung secara berterusan pada bantuan dari pihak kerajaan semata-mata. Sebaliknya, mereka dilatih menjadi golongan yang mampu berdikari menerusi penyediaan pelbagai program pembangunan diri yang bercirikan latihan dan kemahiran. Memandangkan penemuan kajian menunjukkan keterlibatan penduduk setempat dalam program sering kali terbatas kerana faktor pertindihan tanggungjawab dan peranan mereka dalam keluarga, maka agensi pelaksana sepatutnya memberi perhatian yang lebih serius dalam meningkatkan penyertaan komuniti setempat yang diyakini dapat menawarkan jalan penyelesaian kepada permasalahan tersebut. Kajian ini mencadangkan usaha penambahbaikan boleh dilakukan dengan menyediakan lebih banyak peluang dan ruang kepada penduduk setempat untuk turut terlibat dalam perancangan aktiviti dan program pembangunan diri. Apabila komuniti dilibatkan dalam proses perencanaan program, maka mereka dapat menggunakan kesempatan tersebut untuk menyuarakan pendapat dan membangkitkan masalah yang mungkin dihadapi oleh mereka dalam pelaksanaan sesuatu program. Ini seterusnya dapat memastikan bahawa program yang akan dilaksanakan pada masa akan datang telah mengambil kira faktor halangan seperti beban tugas dan tanggungjawab kekeluargaan yang harus dipikul oleh golongan penerima bantuan. Dengan demikian, usaha-usaha baharu program pembasmian kemiskinan yang akan dilaksanakan oleh agensi pelaksana kelak tidak lagi berhadapan dengan isu beban tugas kekeluargaan yang mana boleh menghambat golongan penerima bantuan daripada mengambil bahagian dalam program tersebut. Selain itu, keterlibatan komuniti setempat dalam perencanaan program juga dapat meningkatkan komitmen dan komited mereka dalam menjayakan pelaksanaan program pembasmian kemiskinan yang diadakan. Oleh itu, artikel ini berdiri teguh di atas hujah bahawa penyertaan penduduk setempat dalam program pembasmian kemiskinan tidak sepatutnya dihadkan dari segi pelaksanaan (penerimaan program) semata-mata. Sebaliknya, mereka juga dilibatkan dalam aktiviti membuat keputusan, berkongsi manfaat dan penilaian program. Berdasarkan fakta ini, program-program pembasmian yang sedia ada khususnya program di bawah SPKR perlulah memberi penekanan kepada pendekatan penglibatan dalam pelaksanaan program-program tersebut.

RUJUKAN

- Allahdadi, F. (2011). Community participation for poverty reduction in Iran. *Life Science Journal*, 8(2), 577-579.
- Aref, A. (2011). Barriers of local participation in rural cooperatives: A case study of Fars, Iran. *Journal of American Science*, 7(1), 670-673.
- Awortwi, N. (2012). The riddle of community development: Factors influencing participation and management in twenty-nine African and Latin American communities. *Community Development Journal*, 1-16.
- Bowen, G. A. (2008). An analysis of citizen participation in anti-poverty programmes. *Community Development Journal*, 43(1), 65-78.
- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah dan statistik penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Cohen, J. & Uphoff, N. T. (1977). *Rural development participation: Concepts and measures for project design, implementation and evaluation*. New York: Cornell University Ithaca.
- Cummings, F. H. (1997). Role of participation in the evaluation and implementation of development projects. Knowledge and Policy: The *International Journal of Knowledge Transfer and Utilization*, 10(1/2), 24-33.
- Haris Abd. Wahab (2009). Penilaian keperluan dalam pembangunan komuniti: Kajian kes di negeri Kelantan. Tesis PhD, Universiti Malaya.
- KKLW (2006-2010). Garis Panduan Pelaksanaan PKP.
- KKLW (2006-2010). Garis Panduan Pelaksanaan PLKK.
- KKLW (2006-2010). Garis Panduan Pelaksanaan PPP.
- KKLW(2006-2010). Garis Panduan Pelaksanaan PPMI.
- Kuntavong, P. (1985). *Participation in rural development: A case study of a rural development project in Ubolratana Dam Village, Khon Kaen*. PhD Thesis, University of Pittsburgh.
- Mohammad Ghazi Ismail & Haliza Abdul Rahman (2011). Penglibatan masyarakat awam dalam isu berkaitan persekitaran dengan rujukan kepada Jajahan Kuala Krai, Kelantan. *Journal of Techno-Social*, 3(1), 15-34.
- Randell, M. (2004). Constructing participation spaces. *Community Development Journal*, 39(2), 144-155.
- World Bank. (1996). *The World Bank participation sourcebook*. Washington DC: World Bank.
- World Bank. (1993). *Trend in developing countries*. Washington D.C: World Bank.

Zazali Salehudin. (2004). Dasar, strategi dan pelaksanaan kemiskinan daripada perspektif Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW). Dalam Mohamad Khairudin Mohamad & Ahmad Syahir Sarani (eds), *Pembasmian kemiskinan bandar dan luar bandar. Petaling Jaya: Institut Perkembangan Minda (INMIND)*.